

18 JANUARI 2018

Medan selera lubuk edar dadah

Bukit Mertajam

Medan selera lubuk edar dadah

Medan selera dan kedai makan dijadikan lokasi buat duit oleh pengedar ganja di sini, sebelum kegiatan mereka dikesan dan ditahan polis, kelmarin.

Dalam kejadian jam 8.15 malam itu, lelaki yang juga pengedar dadah dicekup polis bersama 51 peketa ganja dalam satu serbuan di sebuah medan selera di Alma, di sini.

Dalam serbuan itu, sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah (IPDSPT) menyerbu kawasan berkenaan sebelum menahan seorang lelaki berusia

45 tahun.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, hasil pemeriksaan mendapati, suspek memegang satu bungkusan plastik lut sinar yang di dalamnya mengandungi 51 peketa lut sinar berisi daun kering dipercayai ganja.

Menurutnya, suspek kemudian ditangkap dan barang kes dirampas bagi siasatan lanjut.

"Hasil ujian saringan air kencing juga mendapati suspek positif dadah dan memiliki rekod jenayah lampau membabitkan dadah dan jenayah," katanya.